

AIR ADALAH SUMBER KEHIDUPAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ
أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ
فَلَا هَادِيَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِكَ
وَرَسُولِكَ سَـيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَ أَصْحَابِهِ
وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ،

فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala, dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Kepentingan air kepada kehidupan dan alam seluruhnya memang tidak dapat dinafikan. Sebagai sumber asli yang paling berharga, air diperlukan sebagai kegunaan asasi dan dapat dimanfaatkan bagi tujuan pelbagai aspek kehidupan. Tanpa air, kita tidak dapat meneruskan kehidupan. Allah Subhanahu wa-Ta'ala berfirman dalam Surah al-Anbiya' ayat 30,

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَوَلَمْ يَرِ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتْ رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا^ط

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ^ط

Yang bermaksud : “Apakah orang kafir itu tidak mengetahui bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu). Lalu Kami pisahkan antara kedua-duanya dan Kami jadikan daripada air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?.”

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala,

Negara kita merupakan bumi bertuah yang dianugerahi dengan sumber air yang banyak dan boleh dimanfaatkan bagi pelbagai keperluan kehidupan. Air bukan sahaja sebagai minuman, bahkan dalam pelbagai bentuk kegiatan harian manusia seperti membasuh, mandi, beribadat dan sebagainya. Selain itu, air juga penting dalam kegiatan ekonomi seperti pertanian, perindustrian dan pengangkutan. Malah, air juga membekalkan penjanaan tenaga elektrik. Tanpa bekalan air akibat kemarau, boleh membawa kepada kebuluran sebagaimana yang berlaku di beberapa buah negara yang bergantung kepada hasil pertanian. Firman Allah Subhanahu wa-Ta’ala dalam surah An-Nahl ayat 65 :

وَاللَّهُ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِقَوْمٍ يَسْمَعُونَ^ج

Yang bermaksud: Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Dia menghidupkan bumi dengan air hujan itu sesudah matinya, sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda (kebijaksanaan Allah) bagi kaum yang mendengar.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Marilah kita bersama-sama memelihara sumber air seperti sungai, tasik dan tempat tadahan air agar sentiasa terjaga dan berada pada tahap yang terbaik. Janganlah kita menjadikan sungai, parit dan alur air sebagai tempat pembuangan sampah, yang boleh menyebabkan berlakunya pencemaran sumber air seperti yang berlaku baru-baru ini di negara kita yang menyebabkan kematian. Lihatlah sebahagian besar sungai-sungai kita yang airnya tidak boleh lagi digunakan untuk mandi manda lebih-lebih lagi untuk diminum. Keadaan ini tidak boleh dibiarkan dan setiap orang daripada kita hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menyelamatkan sungai-sungai kita supaya ia dapat digunakan dengan selamat. Kita sepatutnya berasa malu membiarkan sungai-sungai kita keruh kekuningan yang boleh menyebabkan musnahnya kehidupan di sungai dan mengganggu kesihatan manusia. Sungai-sungai kita juga semakin hari semakin kering dan mudah berlaku banjir kerana tempat tadahan air sudah terganggu dengan penebangan hutan yang tidak terancang dengan baik.

Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dalam Surah Ar-Rum, ayat 41;

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي

عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Yang bermaksud: “Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka

sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar) ”.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala,

Agama kita sangat menitikberatkan penjimatan air dan mencela pembazirannya sebagaimana riwayat hadis melarang membazirkan air dalam semua aspek kehidupan seperti mandi, membasuh kenderaan dan lain-lain termasuklah sewaktu berwudhu’. Seperti hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - مَرَّ بِسَعْدٍ، وَهُوَ يَتَوَضَّأُ، فَقَالَ: "مَا هَذَا السَّرْفُ؟" فَقَالَ: "أَفِي الْوُضُوءِ إِسْرَافٌ؟" قَالَ: "نَعَمْ، وَإِنْ كُنْتَ عَلَى نَهْرٍ جَارٍ"

Yang bermaksud: *Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lalu berhampiran dengan Sa’ad yang sedang berwuduk, lalu Baginda bersabda: “Kenapakah berlaku pembaziran ini?” Maka Sa’ad menjawab: Adakah pada wuduk juga terdapat pembaziran? Lalu Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab: “Ya, sekalipun kamu berada di sungai yang mengalir.”*

Firman Allah Subhanahu wa-Ta’ala dalam Surah al-Israk ayat 27;

إِنَّ الْمُبْدِرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ط وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

Yang bermaksud: "Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedangkan Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhan-Nya."

Marilah kita bersama-sama menjaga alam sekitar khususnya sumber air demi menjaga kelangsungan hidup kita. Berjimatlah! Dan jangan membazir air kerana orang yang membazir adalah bersaudara dengan syaitan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا ﴿١١﴾ وَيُمْدِدْكُمْ

بِأَمْوَالٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَلْ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلْ لَكُمْ أَنْهَارًا ﴿١٢﴾

Yang bermaksud: " Sehingga aku berkata (kepada mereka), "Mohonlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya Dia adalah Maha pengampun." (Sekiranya kamu berbuat demikian), Dia akan menghantarkan hujan lebat yang mencurahkan kepada kamu. Dan Dia akan membanyakkan harta kekayaan serta anak-pinak kamu dan Dia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلَ هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ
التَّائِبِينَ.